

12 Ogos 2020

KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT

NOTIS KEMASKINI KEAHLIAN DI DALAM KUMPULAN KERJA RASMI MELALUI APLIKASI KOMUNIKASI DAN MEDIA SOSIAL

Saya ingin merujuk kepada Notis Larangan bertarikh 16 Mei 2019 berkaitan Larangan Pengambilan dan/atau Penyebaran Gambar dan/atau Video Yang Diambil/Dirakam di Premis Northport, seperti dilampirkan.

Untuk makluman semua, Syarikat memahami akan keperluan penubuhan kumpulan kerja melalui platform aplikasi komunikasi seperti WhatsApp, Telegram, WeChat atau lain-lainnya termasuk saluran media sosial, khusus untuk urusan kerja yang rasmi. Bahan-bahan seperti gambar, video, teks dan audio yang dikongsi melalui platform-platform ini dapat menggalakkan interaksi yang menyeluruh, perkongsian pendapat bagi mencari penyelesaian kepada sesuatu permasalahan, serta tindakan yang pantas dan efisien dapat diambil oleh Jabatan atau Bahagian yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, risiko penyebaran bahan-bahan seperti gambar, video, teks dan audio kepada pihak luar wujud sekiranya ada di kalangan ahli kumpulan di dalam platform aplikasi komunikasi serta media sosial tersebut adalah bukan daripada kalangan warga kerja Syarikat.

Saya ingin menegaskan bahawa sebarang perkongsian gambar, video, teks dan audio kepada pihak luar, yang boleh mendedahkan Syarikat kepada penyalahgunaan bahan tersebut adalah dilarang sama sekali.

Oleh yang demikian, saya menasihatkan Pentadbir Kumpulan atau Group Admin untuk platform aplikasi komunikasi dan media sosial rasmi ini, agar sentiasa mengemaskini dan memastikan **hanya kakitangan Northport yang masih berkhidmat sahaja** dibenarkan berada di dalam kumpulan kerja rasmi masing-masing. Sekiranya berlaku penyebaran bahan-bahan yang tidak sepatutnya kepada pihak luar, Pentadbir Kumpulan atau Group Admin platform aplikasi komunikasi dan media sosial tersebut akan dipertanggungjawabkan dan tindakan tatatertib yang sewajarnya akan diambil ke atas mereka yang berkenaan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semua kakitangan bahawa pelabuhan Northport telah diwartakan sebagai "**KAWASAN LARANGAN**" oleh Kerajaan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 ("AKLTL"). Kegagalan mematuhi akta ini boleh menyebabkan anda ditahan dan/atau diperiksa tubuh badan dan/atau dihalau dari Northport; dan, jika didapati bersalah di bawah AKLTL, anda boleh **dipenjara** selama tempoh **2 tahun** dan/atau **didenda RM1,000.00**, atau **kedua-duanya sekali**.

Sekian, harap maklum.



DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF

Ketua Pegawai Eksekutif
Northport (Malaysia) Bhd

16 Mei 2019

KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT, PELANGGAN, KONTRAKTOR DAN PENGGUNA PELABUHAN

NOTIS LARANGAN

Larangan Pengambilan dan/atau Penyebaran Gambar dan/atau Video Yang Diambil/Dirakam di Premis Northport


Kami ingin memaklumkan bahawa, berkuatkuasa serta-merta, sebarang aktiviti pengambilan gambar dan/atau rakaman video (dengan apa cara sekalipun) di premis Northport dan Southpoint, adalah **DILARANG** sama sekali, kecuali kebenaran bertulis telah diperolehi daripada Pengurusan Northport. Larangan ini merangkumi penyebaran tanpa kebenaran apa-apa gambar atau video yang menunjukkan mana-mana kawasan di dalam Northport dan Southpoint, melalui apa jua cara.

Seksyen 63(3) Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang 1965 memperuntukkan bahawa mana-mana orang tidak boleh mengambil gambar premis pelabuhan atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa di dalamnya tanpa kebenaran Pihak Berkuasa. Perlanggaran mana-mana undang-undang kecil boleh dikenakan **denda** tidak melebihi **RM1,000.00**, dan **denda tambahan** sebanyak **RM250.00** sehari untuk tiap-tiap hari perlanggaran tersebut berterusan – sila rujuk Seksyen 29(3) Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

Kami juga ingin memaklumkan bahawa Northport telah diwartakan sebagai "**KAWASAN LARANGAN**" di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 ("AKLTL"). Kegagalan mematuhi Notis Larangan ini boleh menyebabkan anda ditahan dan/atau diperiksa tubuh badan dan/atau dihalau dari Northport; dan, jika didapati bersalah di bawah AKLTL, anda boleh dikenakan **penjara** selama tempoh **2 tahun** dan/atau **didenda RM1,000.00**, atau **kedua-duanya sekali**.

Sebarang maklumat lanjut serta pertanyaan, sila hubungi Pusat Kawalan Pelabuhan (PCC) Northport di talian 03-3176 7110 atau 03-3169 8977.

Yang benar,
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF
Ketua Pegawai Eksekutif